

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA  
PERASMIAN MAJLIS PERUNDINGAN BELIA  
NEGARA DI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA  
DI KUALA LUMPUR, PADA 15<sup>HB</sup> MEI, 1971

Y.B. Datuk Hamzah, Saudara-saudara sekalian.

Saya amat sukacita kerana dapat hadir bersama-sama pada hari yang bersejarah ini untuk merasmikan penubuhan Majlis Perundingan Belia Negara.

Sepertimana yang dikatakan oleh Y.B. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan tadi, majlis ini ialah badan perundingan untuk Kerajaan yang mempunyai tanggungjawab penuh meneliti dan menimbangkan segala hal berhubung dengan dasar belia pada keseluruhannya.

Saya menaruh sepenuh keyakinan bahawa penubuhan Majlis ini adalah membuka satu lembaran baru kepada pergerakan belia di tanah air kita. Di samping itu juga merupakan pengiktirafan Kerajaan terhadap peranan kaum belia di saat negara kita sedang meneroka jalan baru ke arah masa depan yang lebih makmur dan bahagia.

Majlis Perundingan ini bolehlah dianggap sebagai "Parlimen" untuk pemimpin-pemimpin belia menyuarakan segala pendapat, teguran dan masalah mereka kepada Kerajaan. Saya percaya melalui dialog terbuka ini, wakil-wakil belia dan Kerajaan akan dapat menghuraikan masalah yang ada di hadapan kita, khasnya mengenai kaum belia dan di samping itu berikhtiar untuk menyediakan rancangan-rancangan yang lebih positif bagi masa akan datang.

Saudara-saudara sekalian.

Sejak dari beberapa tahun yang lampau, saya sentiasa mengambil perhatian berat terhadap kegiatan-kegiatan belia di tanah air kita. Saya sentiasa mengikuti setiap perkembangan yang berlaku dan saya memahami benar-benar kehendak dan kemahuan angkatan belia hari ini.

Sebagai golongan muda, saudara-saudara mempunyai cita-cita yang besar dan ingin berbakti kepada masyarakat dan negara. Jiwa muda yang sentiasa bergelora kadang-kadang mendesak saudara-saudara untuk bertindak dan melakukan apa saja. Satu ketika dulu saya sendiri pun pernah melalui proses dan mengalamai perasaan sepertimana yang dialami oleh saudara-saudara sekarang. Oleh itu, saya tidak menyalahkan saudara-saudara kerana merasa seperti itu oleh sebab saya faham ini memanglah satu proses hidup yang tidak dapat dielakkan.

Bagaimanapun, haruslah diingat bahawa keadaan dan tuntutan pada sesuatu masa itu adalah berlainan dan dari itu tuntutan-tuntutan yang mesti dipenuhi berlainan pula. Pada peringkat muda saya dua puluh tahun dahulu, peranan utama kaum belia ialah memperjuangkan kemerdekaan negara supaya kita dapat menegakkan satu bangsa dan negara yang berdaulat dan merdeka. Hari ini tugas kaum belia khususnya ialah untuk bersama-sama berunding bagi mengisi kemerdekaan itu supaya memenuhi hasrat rakyat terutama jenerasi muda yang ingin menikmati kemajuan dan kebahagiaan.

Sepertimana yang kita maklum, pada satu-satu ketika dalam sejarah bangsa, golongan belialah yang meneroka jalan ke arah matlamat masa hadapan. Dengan kesedaran inilah pihak Kerajaan hari ini adalah memandang mustahak supaya kaum belia kita dibantu dan dibimbing dan diberikan galakan serta dorongan dengan harapan supaya dengan semangat baru mereka, mereka dapat mengambil bahagian yang aktif dan positif dalam pembangunan bangsa dan negara.

Saudara-saudara sekalian.

Negara kita yang sedang membangun ini memerlukan tenaga belia-belia yang motivated, penuh keyakinan dan kepercayaan atas kebolehan sendiri. Sebagai sebuah negara yang sedang berusaha dengan penuh minat ke arah kesempurnaan, setiap orang dari kita, terutama belia-belia, hendaklah mempunyai tujuan hidup atau sense of purpose. Ini dengan sendirinya meletakkan belia-belia kita di satu tempat yang lebih istimewa berbanding dengan golongan belia di negara yang sudah maju.

Seperti yang seringkali saya katakan, kita hari ini memikul peranan berat membentuk satu negara dan bangsa yang makmur dan bersatu. Setiap orang khasnya setiap belia mempunyai peluang yang sama untuk membantu Kerajaan ke arah matlamat ini. Rasa

kesedaran yang ada pada tiap-tiap orang itu akan menentukan kesanggupan kita untuk ikut melibatkan diri dalam proses pembangunan ini. Tujuan muktamat kita ialah hendak menegakkan masyarakat yang adil di mana kekayaan negara akan sama-sama dinikmati yang mana kelak dapat diwariskan kepada jenerasi akan datang iaitu anak-anak hari ini yang merupakan golongan belia masa hadapan.

Oleh yang demikian, tugas belia hari ini adalah lebih nyata dan mempunyai garis-garis tindakan yang tegas dan positif. Kita di sini tidak perlu mengadakan tunjuk-tunjuk perasaan untuk membolehkan suara kita didengar, seperti yang dilakukan oleh belia-belia di negara-negara lain. Saya dan rakan-rakan saya dalam Kerajaan adalah mempunyai hati dan fikiran yang terbuka kepada cadangan-cadangan yang membina. Saya telah menegaskan bahawa pemimpin-pemimpin negara hari ini—pada semua lapisan—jangan cuma mengisi kerusi lembut dalam bilik berhawa dingin tetapi sebaliknya sentiasa cergas di tengah-tengah rakyat, sentiasa mendekati orang-orang ramai. Dengan cara ini mereka memahami sepenuhnya gerak jantung dan denyut nadi rakyat bukan saja di bandar-bandar bahkan yang tinggal di kampung yang jauh terpencil di ulu sungai dan di daerah pendalaman.

Saudara-saudara sekalian.

Hari ini kita sedang di dalam proses menyusun semula masyarakat di bidang sosial, ekonomi dan politik supaya membolehkan kita menghadapi tanggungjawab dan cabaran-cabaran masa hadapan dengan lebih berkesan. Kita sedang merencanakan satu sistem kehidupan di Malaysia bukan untuk hari ini sahaja tetapi untuk beratus tahun akan datang. Kita sedang membentuk satu masyarakat baru berlandaskan kepada Rukun Negara yang akan menjadi pedoman dan pegangan untuk kehidupan rakyat dan negara masa hadapan.

Seperti saya katakan tadi, matlamat Kerajaan yang saya pimpin ialah membentuk satu masyarakat di mana setiap rakyat, tanpa mengira asal keturunannya sama-sama berhak dan sama-sama mempunyai peluang sesuai dengan kebolehan dan bakatnya. Kita hendak menubuhkan masyarakat yang berdisiplin, yang saksama, demokratik dan mendukung kehendak dan cita-cita rakyat jelata.

Masyarakat baru ini diharap dapat memenuhi kehendak-kehendak masyarakat moden, di zaman sains dan teknologi, tetapi

berteraskan kepada unsur-unsur budaya bumiputra sambil bersikap terbuka terhadap pengaruh yang sehat dan perkembangan tradisi-tradisi budaya lain yang akan memperkaya dan menyegarkan kebudayaan kebangsaan kita.

Saudara-saudara sekalian.

Ini adalah matlamat kita. Tetapi matlamat itu masih jauh kerana sepertimana dimaklum banyak lagi syarat-syarat atau pre-condition yang belum ada. Perpaduan negara yang sebenar persefahaman, sikap jujur dan ikhlas tanpa curiga mencurigai antara kaum belum betul-betul berakar umbi, bahkan tidak mungkin bertumbuh subur selagi terdapat jurang perbezaan ekonomi antara kaum-kaum dan pemisahan jenis kerja menurut bangsa dalam masyarakat kita.

Rasanya tidak perlu saya ingatkan, kita baru saja pulih dari keadaan yang mungkin menjahanamkan negara akibat faktor-faktor buruk warisan zaman penjajahan itu.

Jadi, tegasnya sekarang, kita berada di titik permulaan baru—new starting point—dalam sejarah negara. Pemulihan Parlimen telah membuka semula proses perubahan secara demokrasi, memberikan semangat dan impetus yang segar. Dalam dua bulan lagi saya akan dapat mengumumkan perincian-perincian Dasar Ekonomi Baru, bersama-sama dengan Rancangan Malaysia Kedua. Garis-garis tujuan Dasar Ekonomi Baru—membasmi kemiskinan tanpa mengira bangsa dan membawa sebahagian orang-orang Melayu/bumiputra kelapangan perdagangan dan perindustrian—telahpun seringkali saya sebutkan dan tentulah saudara-saudara semua memahaminya.

Bagaimanapun, kita semestinya sedar jalan yang bakal kita tempuh dalam masa beberapa tahun akan datang ini bukanlah mudah. Seorang rakan saya mengibaratkan jalan itu penuh dengan 'duri dan onak'. Oleh itu saya menyatakan tempuh sepuluh tahun—decade akan datang ini akan menguji kesanggupan kita menentukan untung nasib bangsa dan negara—our very survival in terms of national and social cohesion.

Kita bukan sahaja perlu mengisi tuntutan-tuntutan kebendaan atau material needs dalam bentuk pembaikan sistem dan structure ekonomi, bahkan seimbang dengan itu pula mustahak memenuhi tuntutan-tuntutan kerohanian atau psychological needs iaitu keperibadian bangsa kita yang berlandaskan keyakinan berdikari atau self-reliance.

Saya rasa dalam hubungan ini, kaum belia memegang peranan penting dan tugas yang utama pada masa hadapan. Kita dapat menjangka dalam tempoh beberapa tahun akan datang ini, masyarakat kita, terutama di luar bandar, menempuh proses pembandaran atau urbanisation yang hebat. Ini dengan sendirinya melibatkan perubahan cara hidup yang memerlukan pula perubahan cara berfikir, menggantikan pemikiran yang sudah usang dengan pemikiran yang segar dan dinamik. Perubahan ini semestinya bermula dan berkembang di kalangan kaum belia kerana merekalah dianggap sebagai pelupur pembaharuan kepada semua bidang hidup masyarakat.

Saya yakin dan percaya, dengan adanya bimbingan dan pimpinan yang cergas dan imaginative, kaum belia kita akan memainkan peranan mereka membangunkan masyarakat yang dinamik dan penuh potential untuk masa hadapan. Sebagai pelupur dan pembina, mereka seharusnya memperlengkap diri dengan keperluan-keperluan rohani dan jasmani, memupuk keazaman dan daya cipta masing-masing sambil meluaskan mental horizon untuk menjangkau tuntutan-tuntutan antarabangsa bagi memenuhi keperluan negara. Haruslah diingat, dan saya rasa ini perlu ditegaskan dalam tahun-tahun akan datang kelak, kita akan melihat lebih pesat lagi perkembangan usaha-usaha serantau atau regional efforts untuk menjamin kestabilan ekonomi dan politik sesuatu bangsa kerana keadaan akan menghendaki bahkan memaksakan kerjasama yang lebih erat dan saling bergantung antara satu dan lain untuk kebajikan bersama-sama.

Saudara-saudara sekalian.

Harapan saya kepada golongan belia, khasnya mereka yang dalam lingkungan dua puluhan, hanyalah satu—marilah bersama-sama membina masa depan untuk saudara-saudara sendiri. Apa yang kita usahakan sekarang bolehlah diibaratkan sebagai membangunkan rumah. Kalau kita berkehendakan rumah yang kukuh, yang boleh tahan untuk beratus tahun, tentulah kita patut ada berbagai rupa perunding—consultants—yang dapat memberikan pandangan-pandangan dan pendapat-pendapat mengenai bentuk rumah itu.

Saudara-saudara sebagai anggota Majlis Perundingan Belia Negara mempunyai peranan yang sama. Saya dan rakan-rakan

saya dalam Kerajaan yang diberikan tugas sebagai akitek bangsa memerlukan pandangan dan pendapat saudara-saudara untuk menentukan bukan saja corak bangsa kita bahkan juga bahan-bahan lain yang mustahak supaya usaha membangun bangsa itu berjalan dengan teratur dan sempurna.

Bangsa Malaysia pada masa hadapan yang dapat saya gambarkan adalah secukup memenuhi hasrat kita yang sederhana. Saya boleh menjamin masa depan kita adalah lebih baik daripada khayalan George Orweel "1984". Ini adalah berdasar atas keyakinan saya pada golongan belia hari ini.

Sebagai bangsa yang kecil, kita tidak berharap mempengaruhi sesiapa kecuali kita perlukan pengaruh pemikiran yang sehat dan kemajuan yang memenuhi kedua-dua tuntutan rohani dan jasmani. Meskipun kita berusaha menguasai dan memperkembang pengetahuan sains dan teknologi, saya tidak berharap kita dapat melancarkan manusia Malaysia ke bulan. Tetapi sebaliknya, kalau berjaya experiment kita menyatu-padukan rakyat dari berbagai keturunan dan corak kebudayaan, ini dengan sendirinya akan meletakkan nama dan mertabat Malaysia di tempat yang tinggi.

Saudara-saudara sekalian.

Sebagai kata penutup, saya ingin mengingatkan golongan muda yang ada di sini maksud saya, kedua-dua yang muda umur dan juga yang muda di hati—sekiranya terdapat kekurangan-kekurangan dalam usaha dan tindakan jenerasi saya yang ada sekarang, saya harap perkara ini janganlah hendaknya berulang lagi. Saya percaya saudara-saudara akan lebih berjaya dari jenerasi saya dan jenerasi-jenerasi yang lalu.

Bagaimanapun, saya berharap apabila tugas kami selesai, kami dapat mewariskan kepada saudara-saudara satu tapak landasan yang kukuh untuk membangunkan di atasnya masyarakat dan negara yang dicita-cita dan dikehendakkan itu.

Dengan itu, saya dengan seberapa sukacita merasmikan Majlis Perundingan Belia Negara ini.



Tun Abdul Razak sedang diperkenalkan kepada seorang anggota Majlis setelah merasmikan pembukaan Majlis Perundingan Belia Negara di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, pada 15hb Mei, 1971.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)